

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

TARIKH : 19 MEI 2015

SOALAN :

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah bilangan pokok-pokok kelapa sawit yang telah ditebang dan berapa telah ditanam semula pada tahun 2013 dan 2014. Nyatakan jumlah tersebut untuk setiap negeri.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pokok kelapa sawit yang telah ditebang untuk tanam semula pada tahun 2013 ialah sebanyak 909,461 batang pokok meliputi kawasan seluas 6,183 hektar, manakala bagi tahun 2014 adalah sebanyak 1,155,843 batang pokok meliputi kawasan seluas 7,778 hektar. Perincian bilangan pokok dan keluasan kawasan tanaman semula sawit mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bilangan pokok dan luas kawasan sawit ditebang dan tanam semula mengikut negeri bagi tahun 2013

Negeri	Luas tanah (hektar)	Bilangan pokok
Johor	2,122.84	315,601
Melaka	81.25	12,025
Negeri Sembilan	143.93	21,760
Selangor	404.71	57,948
Kedah	44.03	6,517
Pulau Pinang	11.89	1,760
Perak	1,060.16	155,698
Kelantan	35.44	5,245
Pahang	142.81	21,135
Terengganu	80.67	11,939
Sabah	1,947.62	285,258
Sarawak	108.48	14,575
JUMLAH	6,183.83	909,461